

**Ros Diminta Beri Maklum Balas Pemilihan MIC Tahun Lepas**  
**Bernama**  
**Oct 16, 2014**

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Gabungan Pengadu Ahli MIC menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Pendaftar Pertubuhan (ROS) bagi mendapatkan maklum balas mengenai aduan salah laku dan penyalahgunaan kuasa dalam pemilihan parti itu pada November tahun lepas.

Bekas Ketua Pemuda MIC Datuk T. Mohan berkata ia adalah memorandum kedua selepas yang pertama dihantar kepada ROS 10 bulan lepas namun tidak menerima sebarang maklum balas.

"Kami kecewa kerana setakat ini, ROS tidak membuat sebarang keputusan berhubung perkara ini walaupun sudah begitu lama dan kami datang ke sini bagi meminta campur tangan Perdana Menteri supaya isu ini dapat diselesaikan," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum itu kepada wakil Pejabat Perdana Menteri dan ROS.

Mohan hadir di pekarangan Bangunan Perdana Putra bersama kira-kira 3,000 anggota MIC dari seluruh negara.

Beliau berkata pihaknya akan menerima apa sahaja keputusan ROS bagi memudahkan semua urusan MIC berjalan seperti biasa.

Justeru, pihaknya berharap ROS dapat memaklumkan keputusan dalam tempoh sebulan.

Semalam, Timbalan Ketua Pengarah ROS Mohd Norzam Mustapa menafikan dakwaan segelintir anggota MIC kononnya jabatan itu tidak mengambil tindakan berhubung aduan berkenaan.

Beliau berkata pihaknya sudah menjalankan siasatan sebaik menerima laporan bahawa pemilihan jawatan tiga Naib Presiden dan 23 Anggota Jawatankuasa Pusat (CWC) MIC mempunyai unsur penyalahgunaan kuasa.

"Untuk makluman, siasatan telahpun dijalankan sebaik laporan diterima dan kini dalam peringkat melengkapkan kertas siasatan berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1077384>